



TEKS UCAPAN

**YANG BERHORMAT
DATO' SERI MAHDZIR BIN KHALID
MENTERI PEMBANGUNAN LUAR
BANDAR**

**MAJLIS PEKEBUN KECIL MAKMUR
RISDA
NEGERI PAHANG TAHUN 2022**

**DEWAN TERBUKA KAMPUNG MELA,
KUALA LIPIS, PAHANG**

**25 OKTOBER 2022 (SELASA)
10.30 PAGI**

Assalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh,
Salam Sejahtera, Salam Keluarga
Malaysia, Salam Luar Bandar Sejahtera
dan Salam Bersama Membina Pekebun
Kecil Makmur.

SALUTASI

(Akan diberikan pada hari program)

PENDAHULUAN

1. Alhamdulillah, bersyukur kita kehadiran Allah SWT, yang memberikan keizinan-

Nya untuk kita bersama-sama berkumpul dalam Majlis Pekebun Kecil Makmur RISDA Peringkat Negeri Pahang Tahun 2022 ini.

2. Saya terlebih dahulu ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Sri Hj. Abdul Rahman bin Mohamad, Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar (I) dan pengurusan RISDA kerana sudi menjemput saya hadir ke majlis ini.

3. Tidak dilupakan, saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada EXCO, Ahli Dewan Undangan Negeri, pemimpin-pemimpin tempatan, dif-dif kehormat, rakan-rakan media serta jemputan yang hadir terutamanya kepada masyarakat pekebun kecil RISDA Negeri Pahang dan Daerah Kuala Lipis yang ada pada hari ini.

PERUNTUKAN RISDA

Dato'-Dato', hadirin dan hadirat sekalian,

4. Untuk makluman, pada tahun ini RISDA telah diperuntukkan sebanyak RM508.02 juta untuk melaksanakan program-program pembangunan penanaman semula getah yang dirangka di seluruh negara yang melibatkan Program Tanam Semula Getah, Program Produktiviti Dan Pemasaran, Program Hasil Baharu serta Program Keusahawanan.

5. Saya turut difahamkan, RISDA Negeri Pahang telah diperuntukkan sebanyak RM74.1 juta bagi tujuan melaksanakan pelbagai program pembangunan pekebun kecil di negeri ini dan saya dapati bantuan berkenaan menunjukkan hasil dan potensi yang membanggakan.

6. Saya percaya, hasil daripada peningkatan subsidi bantuan penanaman semula getah kepada RM13,710 sehektar berbanding nilai RM9,230 sebelum ini untuk Semenanjung Malaysia telah memberi

manfaat dan impak yang amat besar kepada semua pekebun kecil. Daripada 16,596.77 hektar matlamat penanaman semula yang disasarkan, saya difahamkan RISDA Negeri Pahang telah berjaya melaksanakan seluas 15,813 hektar pada tahun ini. Syabas saya ucapkan kepada seluruh pekebun kecil dan RISDA yang memastikan prestasi ini dapat dicapai dengan jayanya.

7. Sepertimana semua sedia maklum, tanaman getah merupakan satu-satunya tanaman yang masih diberi bantuan

penuh oleh pihak kerajaan sehingga kini. Ini tidak termasuk lagi dengan bantuan-bantuan peningkatan ekonomi yang diterima oleh pekebun kecil saban tahun.

8. Kerajaan sedar, setiap tahun pekebun kecil mengalami masalah produktiviti rendah akibat keadaan cuaca, kekurangan tenaga kerja dan kestabilan harga pasaran. Namun, dengan wujudnya pelbagai inisiatif serta program bantuan kerajaan, KPLB dan RISDA sentiasa berusaha sedaya upaya bagi

meringankan beban yang ditanggung oleh pekebun kecil dalam meneruskan kehidupan seharian.

PROGRAM TANAM SEMULA GETAH

Hadirin sekalian,

9. Melalui Program Tanam Semula Getah di negeri ini, peruntukan bernilai RM45.38 juta telah disediakan untuk memastikan program tersebut dapat dilaksanakan dengan berkesan. Bagi tujuan sokongan kepada program pembangunan penanaman getah itu

sendiri, saya difahamkan bahawa setakat ini, sebanyak 37 unit prasarana asas seperti jalan pertanian, pembentung, parit, pagar dan perangkap haiwan juga telah dibina dengan nilai RM3.23 juta.

10. Di bawah program ini juga, inisiatif Khidmat Pengembangan yang melibatkan peruntukan sebanyak RM6.91 juta turut disediakan kepada warga pekebun kecil di negeri ini. Ia merangkumi latihan dan khidmat nasihat

teknikal di lapangan serta program-program bimbingan dan pendampingan bagi memastikan program tanam semula dapat dilaksanakan dengan berkesan.

11. Melalui Program Produktiviti Dan Pemasaran, peruntukan sebanyak RM14.72 juta disediakan dan setakat ini, ia telah disampaikan kepada 4,344 orang pekebun kecil di seluruh negeri.

12. Di bawah program yang sama, RISDA pada tahun ini menyediakan inisiatif Skim Insentif Lateks (SIL) dengan nilai

RM41,250.00. Saya dimakluman, seramai 45 orang pekebun kecil di Daerah Kuala Lipis ini telah menerima manfaat dan sangat berpuas hati dengan hasil yang diterima melalui inisiatif ini.

13. Bagi tujuan peningkatan ekonomi isi rumah pekebun kecil, Program Hasil Baharu Dan Keusahawanan juga disediakan bagi menyokong peningkatan pendapat pekebun kecil sekeluarga. Melalui inisiatif hasil baharu, Program AgroMakanan telah diwujudkan dan

sebanyak RM2.26 juta disediakan di negeri ini yang memberi manfaat kepada 141 orang pekebun kecil.

14. Bagi Program Keusahawanan pula, sejumlah RM4.81 juta diperuntukkan tahun ini di Negeri Pahang dengan memanfaatkan seramai 474 usahawan bimbingan RISDA di negeri ini.

15. Melalui program yang sama, RISDA turut menggalakkan golongan belia pekebun kecil untuk menceburi bidang keusahawanan. Ia merupakan inisiatif

untuk menggalakkan generasi muda atau anak pekebun kecil yang berusia 18 hingga 40 tahun menceburi bidang ini dengan menyediakan bantuan berupa geran *one-off* berjumlah RM15,000 dengan pecahan RM10 ribu bagi pembelian peralatan dan RM5 ribu bagi tujuan latihan disediakan untuk golongan ini.

16. Manakala bagi tujuan menyokong ekonomi pekebun kecil yang terjejas akibat musim tengkujuh, pada tahun ini Kerajaan telah meluluskan sejumlah

RM191 juta Bantuan Musim Tengkujuh melibatkan 232,319 orang pekebun kecil RISDA dengan kadar RM600 yang akan disampaikan pada bulan November dan Disember ini.

PERUNTUKAN BAJET 2023

17. Alhamdulillah, pada tahun 2023 Kerajaan Keluarga Malaysia sekali lagi menyediakan peruntukkan dengan peningkatan kepada RM800 ditambah baik dengan perluasan skop kepada pekebun kecil di bawah FELDA.

18. Selain itu, menerusi bajet 2023, KPLB turut menerima peruntukkan berjumlah RM315 juta bagi program pembangunan kawasan bertanam getah pekebun kecil serta RM40 juta lagi bagi pembangunan hasil baharu untuk meningkatkan pendapatan pekebun kecil.

19. Pelbagai usaha, inisiatif, kemudahan dan bantuan telah disampaikan kepada seluruh pekebun kecil oleh Kerajaan demi kesejahteraan dan kemakmuran komuniti pekebun kecil.

20. Saya yakin dan percaya pekebun kecil RISDA mampu meningkatkan produktiviti dan pendapatan dengan pelbagai bantuan yang telah disalurkan oleh Kerajaan hari ini.

HARAPAN

Hadirin dan Hadirat yang dikasihi sekalian,

21. Besarlah harapan saya agar semua pekebun kecil terutama di negeri ini terus mengambil peluang yang disalurkan oleh kerajaan melalui

program-program pembangunan RISDA.

22. Saya mendoakan agar RISDA dan komuniti pekebun kecil sentiasa bekerjasama dan bersatu padu demi memastikan kesejahteraan dan kemakmuran komuniti ini dapat dicapai sepenuhnya.

23. Syabas saya ucapkan kepada RISDA di atas kejayaan penyampaian dividen dan komitmen memakmurkan pekebun kecil menerusi pelbagai bantuan di seluruh negara.

PENUTUP

24. Di kesempatan ini juga, saya ingin menzahirkan ribuan terima kasih kepada seluruh komuniti pekebun kecil di atas kesetiaan bersama pihak kerajaan dalam memastikan pembangunan kebun getah dan penghasilan getah tuan-tuan dan puan-puan berada dalam tahap paling baik menerusi pelbagai program bantuan serta inisiatif yang disediakan oleh kerajaan.

25. Akhir kalam, dengan lafaz
Bismillahirrahmanirrahim, saya dengan
ini berbesar hati menyempurnakan
Majlis Pekebun Kecil Makmur RISDA
Peringkat Negeri Pahang Tahun 2022
ini.

Sekian,

Wabillahi Taufik Walhidayah,

Wassalamualaikum Warahmatullahi

Wabarakatuh.

Terima Kasih.